

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN JENAYAH NO: T-09-15-01/2014**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

... PERAYU

LWN

DATO' DR AHMAD RAMZI BIN AHMAD ZUBIR ... RESPONDEN

[Dalam Perkara Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu Rayuan
Jenayah No: 42S-28-12/2011]

Perayu

DatoqDr Ahmad Ramzi Bin Ahmad Zubir

Lwn

Responden

Pendakwa Raya

KORAM:

1. RAUS SHARIF, PMR
2. MOHD HISHAMUDIN MOHD YUNUS, HMR
3. MOHTARUDIN BAKI, HMR

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Responden telah didakwa dengan empat pertuduhan iaitu, satu di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan dan tiga lagi pertuduhan di bawah seksyen 507 Kanun Keseksaan. Pertuduhan-pertuduhan itu adalah seperti berikut:

PERTUDUHAN PERTAMA

“Bahawa kamu pada 13 haribulan April 2009 di antara jam lebih kurang 11.21 malam dan 11.25 malam di E726 Jalan Kubang Parit, Kg. Kubang Parit 20050 Kuala Terengganu, dalam Daerah Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu telah memfitnah Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (KPT 560820-11-5483) dengan menghantar suatu Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang mengandungi ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan kematian kepada YB Mohd Ariffin bin Abdullah, YB Abd. Halim bin Jusoh dan YB Dato’ Rosol bin Wahid yang mana Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang sama dihantar melalui laman web <http://ownsmsbiz.com/vi> dengan menggunakan nombor telefon bimbit 019-915 8369 yang dimiliki oleh Haji Wan Ahamad bin Wan Muda, dengan mengetahui tohmahan itu akan merosakkan nama baik Haji Wan Ahamad bin Wan Muda; dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN KEDUA

Bahawa kamu pada 13 haribulan April 2009 lebih kurang 11.21 malam di E726 Jalan Kubang Parit, Kg. Kubang Parit 20050 Kuala Terengganu, dalam Daerah Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu telah melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan kematian kepada YB Mohd Ariffin bin Abdullah (KPT: 530727-11-5211) dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada YB Mohd Ariffin bin Abdullah dan dalam melakukan ugutan jenayah itu kamu telah mengambil langkah bagi menyembunyi nama atau tempat tinggal kamu daripada diketahui dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 507 Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN KETIGA

Bahawa kamu pada 13 haribulan April 2009 lebih kurang 11.21 malam di E726 Jalan Kubang Parit, Kg. Kubang Parit 20050 Kuala Terengganu, dalam Daerah Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu telah melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan kematian kepada YB Abd. Halim bin Jusoh (KPT: 650223-11-5353) dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada YB Abd. Halim bin Jusoh dan dalam melakukan ugutan jenayah itu kamu telah mengambil langkah bagi menyembunyikan nama atau tempat tinggal kamu daripada diketahui dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh di hukum di bawah seksyen 507 Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN KEEMPAT

Bahawa kamu pada 13 haribulan April 2009 lebih kurang 11.25 malam di E726 Jalan Kubang Parit, Kg. Kubang Parit 20050 Kuala Terengganu, dalam Daerah Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu telah melakukan ugutan jenayah dengan mengancam hendak mendatangkan kematian kepada YB Dato' Rosol bin Wahid (KPT: 640710-11-5829) dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada YB Dato' Rosol bin Wahid dan dalam melakukan ugutan jenayah itu kamu telah mengambil langkah bagi menyembunyikan nama atau tempat tinggal kamu daripada diketahui, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 507 Kanun Keseksaan."

[2] FAKTA KES PENDAKWAAN

Pada 13.4.2009 sekitar 11.21 malam hingga 11.25 malam semasa berada di Hotel Felda Residence YB Mohd Ariffin bin Abdullah (SP2) telah menerima melalui telefon bimbit beliau satu Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang berbunyi seperti berikut *%Baik jangan teruskan niat YB. YB tak sayang nyawa?+(%&ms tersebut+)* Telefon bimbit SP2 didaftarkan atas nombor 019-9186181 manakala penghantar pula menggunakan nombor 019-9158369 yang didaftarkan di bawah nama Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5), iaitu, Setiausaha Sulit Kanan, Menteri Besar Terengganu (SUSK MB) ketika itu.

[3] Seterusnya dalam tempoh masa yang hampir sama, YB Hj. Abd. Halim bin Jusoh (SP3) yang berada di sekitar Kuala

Terengganu turut menerima sms yang sama melalui telefon bimbit beliau. Juga dalam masa yang hampir sama YB Datoq Rosol bin Wahid (SP4) yang berada di Kuala Berang turut menerima sms yang sama juga melalui telefon bimbit beliau. Nombor telefon bimbit penghantar adalah sama iaitu 019-9158369 yang didaftarkan di bawah nama Haji Wan Ahamad bin Wan Muda. SP2 dan SP3 telah membuat laporan polis secara bersama sebagaimana Kuala Terengganu Rpt. 3285/09 (P45). Manakala SP4 membuat laporan polis sebagaimana Kuala Berang Rpt. 647/09 (P51). Ketiga-tiga mereka membuat laporan polis kerana takut memandangkan sms tersebut dikatakan datang dari nombor telefon bimbit kepunyaan Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5) (SUSK MB) pada masa yang material.

[4] Sebaliknya Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5), menafikan bahawa beliau ada menghantar sms tersebut melalui telefon bimbit beliau 019-9158369 kepada SP2, SP3 dan SP4.

[5] Hasil dari siasatan mendapati sms tersebut telah dihantar melalui aplikasi %sms broadcast@blast+ yang dipasarkan oleh Mobile Biz Network Sdn Bhd (MBNSB). Dari keterangan yang diberikan oleh Hazwan Bin Abu Hassan (SP13), selaku Pengurus Pemasaran MBNSB, sms tersebut telah dihantar melalui satu akaun pelanggan MBNSB yang didaftarkan atas nama Nor Irwan Zainal Abidin (SP16).

[6] Dari keterangan SP13, dengan menggunakan aplikasi %sms broadcast@blast+ ini, suatu medium penghantaran menggunakan internet, seseorang boleh menghantar sms yang sama kepada 500

pengguna telefon bimbit yang disenaraikan namanya oleh penghantar dengan satu klik. Dengan menggunakan aplikasi ini juga penghantar boleh mengubah nombor telefon penghantar mengikut nombor yang dikehendaki.

[7] SP16 mengakui akaun tersebut adalah kepunyaan beliau untuk tujuan berkempen bagi pihak YB Datoq Seri Idris b. Jusoh. Ini dipersetujui oleh Responden selaku Pegawai Khas kepada YB Datoq Seri Idris b. Jusoh ketika itu. SP16 hanya memaklumkan %user id+ dan %password+ DSIJ151155 akaun tersebut kepada Responden. Beliau tidak memaklumkan %user id+ dan %password+ tersebut kepada orang lain.

[8] Pada tarikh kejadian SP16 tidak berada di Kuala Terengganu tetapi di Kuala Lumpur.

[9] Responden telah ditangkap kerana dikatakan telah menggunakan aplikasi %sms broadcast@blast+ ini, yang didaftarkan atas akaun SP16 dengan meminda nombor telefon penghantar sms kepada nombor telefon bimbit milik SP5 dan menghantar sms tersebut kepada SP2, SP3 dan SP4. Kemudiannya Responden telah dituduh di bawah s.500 KK kerana memfitnah Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5) dan di bawah s 507 KK kerana melakukan ugutan jenayah dengan menyembunyikan identiti kepada YB Mohd Ariffin bin Abdullah (SP2), YB Hj. Abd. Halim bin Jusoh (SP3) dan YB Datoq Rosol bin Wahid (SP4).

PEMBELAAN

[10] Menurut Responden semasa pembelaannya, terdapat gangguan dalam capaian internet di rumah beliau dan ianya telah dibaik pulih oleh Telekom Malaysia di mana %router+beliau yang asal telah ditukar kepada %open router+. Justeru mengikut Responden sesiapa sahaja yang berada di dalam lingkungan liputan tersebut mempunyai akses terhadap penggunaan %router+ tersebut. Keterangan beliau ini disokong oleh, En Fong Choong Fook (SB2), seorang saksi pakar yang juga turut membuat satu demonstrasi dan juga mengkritik cara saksi pakar pendakwaan, SP31, membuat analisa.

[11] Di akhir kes pembelaan, Responden telah didapati bersalah dan Hakim bicara telah mensabitkan Responden di bawah keempat-empat pertuduhan dan Responden dijatuhi hukuman penjara tiga bulan bagi setiap pertuduhan. Hukuman diperintahkan supaya berjalan secara berasingan (consecutively).

[12] Atas rayuan ke Mahkamah Tinggi, rayuannya dibenarkan, Responden telah di lepaskan dan dibebaskan. Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan keputusan ini dan merayu kepada Mahkamah ini.

ALASAN PETISYEN RAYUAN:

[13] Pendakwa Raya di dalam Petisyen Rayuannya telah menyenaraikan beberapa alasannya tetapi yang utamanya ialah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang memutuskan bahawa Hakim bicara khilaf menyatakan

%pembelaan recent invention bukan sahaja ianya tidak benar tetapi ianya juga bukan fakta dan tentunya bukan keterangan yang boleh diberi pertimbangan.+ Justeru menunjukkan Hakim bicara gagal memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kes pembelaan.

[14] Setelah meneliti rekod rayuan dan Alasan Penghakiman Hakim bicara dengan mendalam serta penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi, kami berpendapat Hakim Mahkamah Tinggi telah khilaf di dalam membuat keputusan tersebut. Penelitian sebenarnya menunjukkan Hakim bicara telah menimbang semua pembelaan Responden termasuk pembelaan mengenai *%open router+* tersebut yang menyebabkan pengataan tersebut dikeluarkan oleh Hakim bicara.

[15] Kami berpendapat Hakim Mahkamah Tinggi telah melakukan dua kekhilafan:

(a) Pertama, kerana telah terkhilaf apabila hanya dengan berdasarkan petikan *%expression+(pengataan)* sedemikian telah menyimpulkan bahawa Hakim bicara telah menolak pembelaan tanpa mengujinya dengan keseluruhan keterangan. Kami berpendapat bahawa pendekatan yang diambil oleh Hakim Mahkamah Tinggi di dalam isu ini adalah tidak tepat.

(b) Kedua, Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal mempertimbangkan bahawa Hakim bicara telah pun mengambil kira keseluruhan pembelaan Responden dengan terperinci termasuk isu *%open router+* yang membolehkan sesiapa sahaja untuk memasuki pencapaian internet Responden dan telah membandingkan dengan kes Pendakwaan dan

kemudiannya telah memutuskan bahawa Responden telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes Pendakwaan.

[16] Mengenai kekhilafan pertama, kami berpendapat pengataan (expression) itu perlu dilihat secara keseluruhan dan di dalam konteks apakah pengataan itu dikeluarkan. Di dalam kes Mahkamah Rayuan, **Mohamad Shamsul bin Mat Nayan dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2013] 6 MLJ 196** khususnya di perenggan 68, Mahkamah menyatakan:

“[68] Jelaslah daripada pengataan atau pernyataan di atas, apabila Mahkamah berhadapan dengan pengataan-pengataan (expressions) yang serupa dalam penghakiman Hakim bicara sesuatu kes jenayah, Mahkamah tidak seharusnya menerima pengataan-pengataan tersebut begitu sahaja dan mengatakan bahawa Hakim bicara telah tersalah arah dirinya ataupun menggunakan pendekatan yang salah dalam kes itu. Sebaliknya Mahkamah hendaklah menilai pengataan-pengataan tersebut dari sudut fakta dan keadaan sesuatu kes itu.”

[17] Mahkamah ini berpendapat jika pun pengataan sedemikian adalah tidak wajar, ia sama sekali tidak menjejaskan keputusan sabitan oleh Hakim bicara dalam kes ini kerana pengataan tersebut tidak terjumlah kepada satu salah arah (misdirection) yang serius. Sebenarnya Hakim bicara telah mempertimbangkan pembelaan yang dikatakan *“accident invention”* ini yang melibatkan penggunaan *“open router”* dan juga pembelaan lain yang akan dihuraikan di bawah.

[18] Demi keadilan kepada kedua-dua pihak, kami telah meneliti dan menilai semula semua keterangan-keterangan yang ada di

dalam Rekod Rayuan, dalam usaha untuk membuat keputusan yang adil dan saksama, memandangkan kedua-dua Hakim bicara (Mahkamah Sesyen) dan Hakim rayuan (Mahkamah Tinggi) memberi keputusan yang bertentangan.

[19] Kami akan mulakan dengan pertuduhan di bawah s.500 KK. Untuk kesalahan ini, elemen yang perlu dibuktikan adalah seperti berikut:

- (i) Responden telah membuat satu tohmahan terhadap pengadu Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5) iaitu Setiausaha Sulit Knan Menteri Besar Terengganu ketika itu.
- (ii) Tohmahan tersebut melibatkan SP5 di mana pengadu mempunyai kepentingan;
- (iii) Tohmahan tersebut telah dibuat oleh Responden dengan perkataan melalui khidmat pesanan ringkas (sms) berniat untuk dibaca atau disiarkan;
- (iv) Tohmahan tersebut telah dibuat dengan niat untuk merosakkan nama baik SP5.

[20] Oleh sebab elemen pertama melibatkan perbincangan yang panjang, kita akan teruskan dengan elemen kedua dan keempat dahulu:

Elemen (ii): Tohmahan tersebut melibatkan Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5) iaitu pengadu yang mempunyai kepentingan. SP5 dalam kes ini, memegang jawatan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada Menteri Besar Terengganu pada masa yang material.

Elemen (iv): Tohmahan tersebut telah dibuat dengan niat untuk merosakkan nama baik SP5.

[21] Berikut adalah alasan penghakiman daripada Hakim Sesyen mengenai elemen-elemen ini di muka surat 641 hingga 642 Rekod Rayuan:

“[11] Bagi kedua-dua elemen ini, ianya adalah saling kait mengait dan adalah wajar untuk ianya dilihat secara bersama. Dari keterangan yang diberikan oleh Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5) telefon bimbit bernombor pendaftaran 019-9158369 adalah milik beliau yang didaftarkan dengan CELCOM. Keterangan ini disokong oleh keterangan yang diberikan oleh Eksekutif CELCOM Encik Abdul Rahman Othman (SP21).

[12] Dari keterangan yang diberikan oleh SP5, beliau menafikan telah menghantar sms tersebut. Keterangan SP21 mengesahkan tiada penghantaran sms tersebut ke telefon bimbit SP2, SP3 dan SP4 melainkan satu sms yang diterima oleh SP5 dan SP2 yang berbunyi “Sape...ni” dan dijawab oleh SP5 dengan sms “sorry wrong number”. SP5 telah menjelaskan bahawa memandangkan nombor penghantar dari SP2 tidak beliau kenali maka SP5 menjawab dengan sms berkenaan yang membawa maksud “Sorry you got the wrong number”.

[13] Seterusnya dari keterangan yang diberikan oleh SP5, penghantaran sms tersebut telah menyebabkan beliau merasa tertekan

(stress) atas fitnah yang dibuat memandangkan beliau tidak menghantar sms tersebut. Dari keterangan yang diberikan penghantaran sms tersebut yang kononnya datang dari telefon bimbit beliau telah menjejaskan nama baik beliau yang merupakan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) Menteri Besar pada masa yang material.

[14] Selanjutnya meneliti penghujahan peguambela OKT yang terpelajar, elemen-elemen ini tidak dihujahkan dan boleh disimpulkan bahawa elemen-elemen ini tidak dipertikaikan. Dengan itu dari keterangan-keterangan ini, Mahkamah berpendapat elemen (ii) dan (iv) telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.”

Kami berpendapat bahawa Hakim bicara telah tidak tersilap di dalam mencapai dapatan fakta ini, bagi pembuktian kedua-dua elemen ini.

[22] Seterusnya elemen (i) dan (iii). Ianya memerlukan penelitian yang mendalam. Elemen-elemen tersebut ialah:

- (i) Bahawa Responden telah membuat satu tohmahan terhadap pengadu, Haji Wan Ahamad Bin Wan Muda (SP5).
- (iii) Tohmahan tersebut telah dibuat oleh Responden dengan perkataan melalui sms, berniat untuk dibaca atau disiarkan.

[23] Elemen-elemen ini juga saling berkait dan wajar untuk dibincangkan secara bersama. En. Hazwan Abu Hassan, (SP13) Pengurus Pemasaran, Mobile Biz Network Sdn Bhd (MBNSB),

memberi keterangan bahawa sms tersebut telah dihantar dengan menggunakan aplikasi %sms broadcast@blast+ melalui website Ownsmsbiz, produk yang dijual oleh syarikat beliau, (MBNSB) dengan menggunakan akaun milik Nor Irwan Zainal Abidin (SP16).

[24] Responden adalah Pegawai Khas kepada Datoq Seri Idris bin Jusoh, iaitu Menteri Besar Terengganu ketika itu, manakala Nor Irwan Zainal Abidin (SP16) adalah pegawai bawahan kepada Responden ketika itu. Menurut SP16 Responden sendiri telah memaklumkan kepada beliau tentang wujudnya kaedah berkempen menggunakan kaedah %sms broadcast@blast+. Responden sendiri telah bersetuju supaya aplikasi %sms broadcast@blast+ ini dibeli bagi tujuan berkempen untuk YB Datoq Seri Idris b. Jusoh, Menteri Besar Terengganu dalam pemilihan Majlis Tertinggi UMNO. SP16 seterusnya telah membuka akaun bagi aplikasi %sms broadcast+ dengan Syarikat MBNSB. Menurut SP16, %user id+ dan %password+ yang terakhir adalah DSIJ151155 dan %user id+ dan %password+ ini telah dimaklumkan kepada Responden. SP16 mengesahkan bahawa selain daripada Responden, beliau tidak memaklumkan kepada mana-mana pihak yang lain tentang %user id dan password+ ini. Justeru hanya dua orang sahaja yang mengetahui %user id+ dan %password+ ini, iaitu, beliau dan Responden sahaja. Fakta ini adalah amat penting.

[25] SP16 (En. Nor Irwan Zainal Abidin) mengesahkan beliau tidak berada di Terengganu pada tarikh sms ancaman tersebut dihantar tetapi berada di Kuala Lumpur (muka surat 299 Rekod Rayuan Jilid 2A). Menurut beliau lagi, Responden ada menghubungi beliau

melalui sms apabila beliau memaklumkan kepada Responden bahawa beliau akan berjumpa dengan SP13 (En. Hazwan Abu Hassan dari MBNSB) berkait dengan sms tersebut. Di antara sms berkenaan iaitu sebelum perjumpaan **“Wan, selagi boleh tolong cover aku dan big boss, don’t worry aku akan cover kau.”** Dan selepas perjumpaan **“how was it.”**

[26] Dari Eks. P6, iaitu, telefon bimbit milik SP16, terdapat penerimaan sms dari telefon bimbit milik Responden bernombor 016-9388800 atas %sms-sms+ tadi, sekali gus menyokong keterangan SP16 dan SP17 (Mohd Faiz Ong b. Abdullah, Ketua Bahagian Siasatan dan Pemeriksaan Syarikat DIGI pada masa yang material) mengesahkan bahawa nombor 016-9388800 adalah milik Responden. Ini juga mengesahkan tentang transaksi penghantaran %sms-sms+ dari telefon bimbit milik Responden kepada pengguna yang melanggan perkhidmatan talian syarikat mereka.

[27] Seterusnya keterangan Hafizullah Fikrie b. Rahman (SP31) yang menjalankan analisa forensik ke atas HP01 (Eks.P2) iaitu, telefon bimbit milik Responden di mana terdapat dua (2) sms yang diterima oleh pemilik Eks.P2 dari nombor telefon 019-3893396 milik SP16 yang memaklumkan tentang SP13 yang hendak berjumpa dengan SP16 berkaitan dengan sms tersebut yang berbunyi:

“...mlm ini aku kena jumpa Hazwan. Kau nak ikut x? dia kata isu ini ada sangkut dgn system dia & ada prove. Company Technician dia dah print every sms blast yg dtg dari user id aku tu ...” dan satu lagi, sms Hazwan tgg aku di bangi golf resort lepas mgrb”.

[28] Ini dengan sendiri menyokong keterangan SP16 bahawa beliau ada menghubungi Responden sebelum, berjumpa dengan SP13 bagi membincangkan isu sms tersebut.

[29] Keterangan sokongan lain datangnya dari ASP Mohammad Zulkifli b. Mohd Isa (SP26), Juruanalisa Seksyen Jenayah Komputer yang menjalankan analisa forensik terhadap telefon bimbit milik SP16. Beliau mengesahkan panggilan yang diterima dari telefon bimbit milik Responden pada 20.4.2009 pada jam 6.25 petang pada hari yang sama sebelum SP16 berjumpa dengan SP13. Selain itu juga terdapat 3 sms dari nombor 016-9388800 di dalam %older inbox+Eks.P2.

[30] Kami juga telah mengambil pendekatan untuk membandingkan laporan forensic (Eks.P109) dengan bil-bil terperinci telefon bimbit milik Responden (Eks.P79C). Kami dapati ianya menyokong antara satu sama lain bahawa wujudnya komunikasi antara Responden dan SP16 berkaitan dengan sistem %ms broadcast@blast+ tersebut dan perasaan ingin tahu Responden berkaitan hasil pertemuan antara SP16 dan SP13 yang telah dihuraikan di atas.

[31] Kami berpendapat perlakuan - tindakan (conduct) Responden ini menunjukkan beliau mengetahui tentang %ms broadcast@blast+ dan sms tersebut. Persoalannya ialah mengapa Responden bersusah payah untuk mengetahui perkembangan mengenai SP16 yang akan berjumpa dengan SP13 (Hazwan bin Abu Hassan, Pengurus Pemasaran MBNSB). Keterangan perlakuan ini adalah relevan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 untuk menunjukkan

pengetahuan Responden (lihat **Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor [2008] 6 MLJ 19**).

[32] Seterusnya Hakim bicara juga telah mengambil kira keterangan saksi-saksi lain. Di muka surat 646 hingga 647 beliau berkata:

“[25] SP18, Suhainy bt. Ayob merupakan Penolong Pengurus Besar, Bahagian Sistem dan Pengurusan Sekuriti Telekom Malaysia adalah pegawai yang menguruskan pengoperasian system dan aplikasi berkaitan dengan internet. Aplikasi ini termasuk radius yang digunakan untuk pengesahan penggunaan streamyx, yang dilanggan oleh pengguna TM. Dari keterangannya diberikan oleh SP18 terdapat capaian pada internet oleh pelanggan pada 13.4.2009 jam 11 malam ke atas kerana pengguna internet tersebut mula memasuki internet pada 7.44 malam 13.4.2009 hingga 4.35 pagi 14.4.2009. IP Address yang diperuntukkan (assign) pada pelanggan semasa capaian tersebut ialah 60.53.155.148. Capaian pada internet oleh pengguna ini tidak terputus kerana session id-0231862530 adalah sama dari start time – stop time. Dari keterangan SP18, session id akan berubah jika berlakunya “disconnection”.

[26] Dari keterangan SP18 juga, mengesahkan pengguna akaun tersebut didaftarkan atas nama Ahmad Ramzi bin Mohamad Zubir (OKT), beralamat di E726, Jalan Kubang Parit, Kubang Parit, Kuala Terengganu. Selanjutnya SP18 menjelaskan bahawa IP Address ini adalah unik memandangkan ianya tidak boleh dikongsi antara satu pengguna TM dengan pengguna yang lain pada masa yang sama. (Penekanan dibuat oleh saya) Keterangan ini dengan jelas menunjukkan bahawa hanya OKT yang menggunakan IP Address 60.53.155.148 pada masa yang material.

[27] Selanjutnya SP18 juga menyatakan tiada sebarang aduan oleh pengguna berdaftar tersebut baik dari segi gangguan atas capaian

internet mahupun pencerobohan atas akaun internet beliau. Keterangan ini sekali lagi menyokong dapatan fakta bahawa OKT ada membuat capaian internet dengan IP Address 60.53.155.148 yang telah digunakan untuk menghantar sms ugutan itu.
(Penekanan ditambah)

[33] Kami bersetuju dengan dapatan fakta tersebut oleh Hakim bicara. Selain dari keterangan-keterangan di atas, kami juga telah meneliti keterangan yang diberikan oleh isteri Responden, iaitu, Pn Ilia (SP6). Beliau mengesahkan bahawa Responden berada di rumah pada 13.4.2009 jam 11 malam, iaitu, pada masa kejadian. Keterangan SP6 ini disokong oleh keterangan SP2, YB Mohd Ariffin bin Abdullah, yang menghubungi Responden setelah menerima sms ugutan tersebut sekitar 11.20 malam tarikh yang sama. Kesemua keterangan ini saling menyokong bagi menunjukkan Responden berada di rumah beliau semasa capaian pada internet berlaku sebagaimana keterangan SP18 dan ekshibit P80 (penekanan dibuat).

[34] Hakim bicara juga telah mengambil kira keterangan SP29 dari syarikat EWSB, iaitu selaku ~~%~~ solution provider+ kepada syarikat MBNSB. SP29 telah membuat semakan terhadap ~~%~~ server+ EWSB dan menyediakan laporan (P119), yang menunjukkan sms tersebut datangnya dari pengguna yang membuat capaian internet dengan IP Address 60.53.155.148 dan datangnya dari pelanggan TM streamyx. Menurut SP29 adalah mustahil untuk sms tersebut dipinda kerana proses penghantaran ke pembekal luar negara ianya mengambil masa kurang dari 1 saat. SP29 juga mengesahkan tidak berlaku

penggodaman mahupun aduan dari pengguna mengenai apa-apa kerosakan pada tarikh yang material.

[35] Bukan itu sahaja, malahan Puan Maszieta bt Maarop (SP20), Penolong Pengurus TM yang membuat analisa trafik internet yang tidak sah yang dilakukan oleh pengguna-pengguna TM, seperti %spamming+, %fraud+, %hacking+ dan lain-lain, mengesahkan bahawa pemilik akaun internet yang menggunakan IP Address 60.53.155.148 adalah atas nama drramzie@streamyx iaitu akaun Responden. Berdasarkan laporan P80 yang dicetak oleh SP20 tentang penama drramzie@streamyx terdapat nombor MAC Address 00:02:cf:58:6b:64. MAC address ini bersifat unik bagi peralatan tertentu.

[36] Keterangan SP31 pula dari Cyber Security Malaysia, ada kaitan dengan keterangan SP20. Menurut beliau, MAC Address adalah satu nombor unik yang diberikan oleh ISP (Internet Service Provider) dan untuk berhubung kepada internet, ianya mesti melalui router. SP31 telah membuat pemeriksaan fizikal telah mengesahkan router (Eks.P23) yang dirampas dari rumah Responden adalah 00:02:cf:58:6b:64. Beliau turut mengesahkan bahawa MAC Address pada P23 adalah sama dengan nombor router yang dirujuk dalam P80.

[37] Sehubungan dengan itu, kami bersetuju dengan dapatan Hakim bicara bahawa elemen (i) dan (iii) telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa.

[38] Justeru, kesimpulan daripada segala keterangan-keterangan yang dikumpulkan menunjukkan satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan di bawah Sek. 500 KK yang mengesahkan Responden adalah orang yang menghantar sms tersebut iaitu satu ugutan jenayah yang mengancam hendak mendatangkan kematian melalui laman web <http://ownsmsbiz.com/v1> menggunakan identiti nombor telefon bimbit 019-9158369 yang dimiliki oleh Haji Wan Ahamad bin Wan Muda (SP5) sebagai penghantar.

[39] Bagi pertuduhan di bawah s. 507 KK pula, elemen-elemen yang perlu dibuktikan adalah seperti berikut:

- (i) Responden telah melakukan ugutan jenayah terhadap YB Mohd Ariffin bin Abdullah (SP2), YB Hj. Abd. Halim bin Jusoh (SP3) dan YB DatoqRosol bin Wahid (SP4);
- (ii) Ugutan jenayah adalah untuk menyebabkan kematian;
- (iii) Ugutan jenayah ditujukan kepada SP2, SP3 dan SP4;
- (iv) Ugutan jenayah itu bertujuan untuk mendatangkan kegentaran; dan
- (v) Ugutan jenayah itu dengan cara membuat suatu perhubungan sembunyi nama/identiti.

[40] Kami telah meneliti Rekod Rayuan dan kami dapati dapatan fakta Hakim bicara mengenai pembuktian setiap elemen-elemen

adalah betul dan kami berpuas hati dengannya, apabila beliau menyimpulkan di muka surat 651 hingga 652 Rekod Rayuan seperti berikut:

“[36] Dari keterangan-keterangan yang telah dibincangkan dan penemuan yang telah dibuat oleh Mahkamah dalam kes 62-06-2010, keterangan yang ada membuktikan OKT yang telah menghantar SMS ugutan “Baik jangan teruskan niat YB. YB tak sayang nyawa?” ke telefon bimbit yang dimiliki oleh YB Mohd Ariffin bin Abdullah; YB Hj. Abd. Halim bin Jusoh dan YB Mohd Rosol bin Wahid. Adalah jelas ugutan ini adalah berniat untuk mendatangkan kematian yang ditujukan kepada ketiga-tiga YB ini. Ugutan jenayah ini jelas mendatangkan kegentaran kepada ketiga-tiga YB ini yang telah membuat laporan polis (P45 dan P51). Selanjutnya dari keterangan yang dikemukakan ugutan jenayah ini dilakukan secara sembunyi nama menggunakan aplikasi “sms broadcast@blast” dengan MBNSB yang menggunakan akaun SP16. Mahkamah berpendapat bahawa elemen-elemen yang dinyatakan dalam pertuduhan pertama, kedua dan ketiga bagi kesalahan di bawah s. 507 KK dan pertuduhan-pertuduhan alternatif telah juga berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[37] Selaras dengan itu Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT bagi pertuduhan di bawah s. 500 KK dan pertuduhan alternatif bagi kes 62-06-2010 dan tiga (3) pertuduhan di bawah s. 507 KK dan tiga (3) pertuduhan alternatif dalam kes 62-07-2010. Dengan itu OKT dipanggil untuk membela diri atas kesemua pertuduhan dalam kedua-dua kes ini.”

Justeru adalah dapatan kami bahawa keterangan-keterangan yang telah dikemukakan adalah kukuh yang mewajarkan Responden dipanggil membela diri.

[41] **Penelitian mendalam mengenai kesilapan Hakim Mahkamah Tinggi mengenai kekhilafan kedua**

Hakim Mahkamah Tinggi tidak langsung menyentuh kekuatan kes Pendakwaan bagi kesemua pertuduhan-pertuduhan tersebut. Kami akan mendalami kesilapan Hakim Mahkamah Tinggi yang kedua ini, iaitu, Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal untuk memberi perhatian secara terperinci keseluruhan dapatan yang dibuat oleh Hakim bicara mengenai pembelaan Responden.

[42] Setelah meneliti Rekod Rayuan dengan teliti, kami dapati bahawa Hakim bicara telah membuat penilaian yang jelas dan cermat mengenai pembelaan Responden. Pembelaan Responden adalah penafian bahawa beliau bukanlah orang yang menghantar sms tersebut seperti pertuduhan-pertuduhan.

[43] Setelah kami meneliti secara keseluruhan pembelaan Responden mengenai isu ini, kami dapati Hakim bicara telah mempertimbangkan pembelaan ini. Kami bersetuju dengan dapatan Hakim bicara bahawa keterangan SB2 semasa membuat ~~demo~~+ penghantaran sms telah menunjukkan bahawa sms tersebut boleh dihantar secara ~~sms broadcast@blast~~+ tanpa memasuki laman web ownsmsbiz.

[44] Namun demikian, keterangan ini hanya menunjukkan medium lain juga boleh digunakan bagi menghantar sms secara ~~sms broadcast@blast~~+. Kami berpendapat ianya tidak menimbulkan apa-apa keraguan kerana fakta kes Pendakwaan dimana isu utama ialah sms tersebut dihantar melalui laman web ownsmsbiz menggunakan

%user id+ dan %password+ tertentu. Kami bersependapat dengan Hakim bicara bahawa keterangan SB2 hanya bernilai dan akan berjaya menimbulkan keraguan seandainya sms tersebut dihantar melalui laman web ownsmsbiz tanpa membuka akaun dan mempunyai %user id+ dan %password+ sebagaimana keterangan yang diberikan oleh Hazwan Abu Hassan (SP13), dari MBNSB, pemasar kepada produk %sms broadcast@blast+ dan SP29 dari Everwork Solution Sdn Bhd selaku %solution provider+ untuk produk ini.

[45] Di dalam erti kata lain, pada pandangan kami, walaupun asas pembelaan ialah sesiapa sahaja boleh memasuki pencapaian internet Responden dan menghantar sms tersebut kerana beliau menggunakan %open router+, namun sesiapa yang hendak menggunakannya perlu menggunakan %user id+ dan %password+ yang hanya diketahui oleh Responden dan SP16 sahaja. Perkara ini tidak dipertimbangkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan ini adalah satu %non direction+ yang terjumlah kepada %misdirection+.

[46] Jelas Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal mempertimbangkan apa yang sepatutnya dipertimbangkan secara adil sebelum membuat keputusan untuk menolak (reverse) keputusan Hakim bicara. Hakim Mahkamah Tinggi dengan sekelip mata sahaja (within a twinkle of an eye) telah memutuskan bahawa Hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan pengataan (expression) Hakim bicara itu telah menunjukkan Hakim bicara telah tidak mempertimbangkan Pembelaan Responden bahawa dengan penggunaan %open router+, sesiapa sahaja boleh menggunakan pencapaian internet Responden, sedangkan Hakim bicara telah melakukannya sepertimana yang telah

dihuraikan tadi. Malahan Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal menghayati bahawa Hakim bicara telah mempertimbangkan segala pembelaan Responden. Hakim Mahkamah Tinggi juga telah gagal mematuhi prinsip bahawa *“appellate court should be very slow in disturbing the finding of fact made by the trial judge”*, berdasarkan otoriti-otoriti tersohor mengenai prinsip ini. Malahan di dalam kes **Lee Kwai Heong & Anor v PP [2006] 2 MLJ 528**, Mahkamah Rayuan telah menyatakan *“... an appellate court, must, in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right, but be convinced that it is wrong”*.

[47] Di peringkat ini kami telah meneliti keterangan di dalam Rekod Rayuan sama ada SP16 adalah seorang rakan sejenayah+ (accomplice). Dari keterangan tidak ada sebab untuk kami membuat dapatan fakta bahawa SP16 adalah seorang rakan sejenayah. Malahan keterangan menunjukkan beliau tidak menghantar sms tersebut, adalah tidak mungkin SP16 yang menghantar sms tersebut kerana ketika itu beliau tidak berada di sekitar tempat kejadian kerana beliau berada di Kuala Lumpur. Fakta ini tidak dicabar oleh pembelaan. Tambahan lagi keterangan SP16 disokong dengan keterangan-keterangan lain seperti mana yang telah kami huraikan di atas sebelum ini.

[48] Selain daripada itu, keterangan SP16 menyatakan bahawa Responden ada menghubungi beliau sebelum berjumpa dengan SP13 bagi membincangkan tentang sms tersebut, ini disokong oleh keterangan yang diberikan oleh SP26 ASP Mohamad Zulkifli b. Mohd

Isa (SP26) yang menjalankan analisa forensic atas telefon bimbit milik Responden dan dan telefon bimbit milik SP16.

[49] Dalam pembelaannya Responden tidak menjelaskan mengapa beliau menghubungi SP16 yang ketika itu akan berjumpa dengan SP13. Responden sepatutnya mengemukakan satu penjelasan mengenai perkara ini (offer some explanation). Namun Responden gagal melakukannya. Sekali lagi Hakim Mahkamah Tinggi telah gagal mempertimbangkan perkara ini, dan ini adalah non direction yang terjumlah kepada misdirection.

[50] Berbalik kepada pembelaan Responden, kami berpendapat sungguhpun asas pembelaan ialah penafian dan sesiapa sahaja boleh memasuki capaian internet Responden kerana penggunaan open router, namun pembelaan ini adalah tidak mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; kerana isu utama masih lagi tidak dapat dijawab oleh pembelaan iaitu walau sesiapa pun mempunyai akses dan hendak menggunakannya, mereka masih perlu mengetahui user id dan password yang mana inilah asas kes Pendakwaan. Perkara ini turut tidak dipertimbangkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.

[51] Sehubungan dengan itu, sungguhpun pembelaan Responden ialah sesiapa pun boleh menggunakan atau akses pencapaian akaun internet beliau tetapi keterangan-keterangan secara direct dan circumstantial jelas mengaitkan beliau dengan sms tersebut yang menggunakan capaian internet tersebut dan tidak melibatkan orang

lain seperti mana yang dihuraikan. Perkara ini telah tidak dipertimbangkan Hakim Mahkamah Tinggi.

[52] Justeru setelah meneliti rekod rayuan dan setelah meneliti secara mendalam kedua-dua alasan penghakiman, kami berpendapat Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf di dalam mencapai keputusannya untuk melepas dan membebaskan Responden di atas kesemua pertuduhan. Kami berpuas hati dengan dapatan Hakim bicara bahawa pihak Pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap kesemua pertuduhan-pertuduhan utama di bawah s. 500 KK dan s. 507 KK melampaui keraguan yang munasabah dan pembelaan Responden tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadapnya. Justeru itu kami membenarkan rayuan, mengetepikan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi dan mengekalkan semula keputusan Mahkamah bicara mengenai sabitan.

Hukuman

[53] Kami telah mendengar rayuan kedua-belah pihak mengenai hukuman. Di dalam kes ini, Hakim bicara telah menjatuhkan tiga bulan penjara bagi tiap-tiap satu pertuduhan dan hukuman penjara tersebut perlu berjalan berturut-turut. Ini bermakna Responden perlu menjalani hukuman penjara selama dua belas bulan.

[54] Kami berpendapat di dalam kes ini, sungguhpun mangsa yang terlibat adalah empat orang, namun tindakan Responden hanyalah sekali sahaja iaitu dengan menggunakan aplikasi ini, dengan satu klik keempat-empat mangsa ini telah menerima sms ugutan tersebut. Di

dalam erti kata lain perbuatan Responden ini adalah di dalam satu siri sahaja.

[55] Dengan itu kami memutuskan bahawa hukuman tiga bulan penjara untuk setiap pertuduhan dibenarkan supaya ia berjalan secara serentak. Ini bermakna Responden hanya perlu menjalani hukuman penjara tiga bulan sahaja.

(DATUK WIRA MOHTARUDIN BIN BAKI)

Hakim,
Mahkamah Rayuan Malaysia.

Bertarikh: 25 November 2014

Peguambela Perayu:

Encik Mohd Mukhzany Fariz bin Mohd Mokhtar
Timbalan Pendakwa Raya
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Peguambela Responden:

Encik Hisham Teh Poh Tek
Tetuan Teh Poh Teik & Co.,
Peguambela dan Peguam cara
Suite 11.08, 11th Floor, Menara TJB,
No. 9, Jalan Syed Mohd Mufti
80000 Johor Bahru

Rujukan:

1. Mohamad Shamsul bin Mat Nayan dan lain-lain lwn Pendakwa Raya [2013] 6 MLJ 196
2. Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor [2008] 6 MLJ 19
3. Lee Kwai Heong & Anor v PP [2006] 2 MLJ 528